

9 kenderaan berlanggar

Metro 14/4/12 MS 18.

Lima pelancong Thailand, seorang pemandu lori kontena parah bertembung dengan bas ekspres

>>Oleh Asmah Rusman
asmah@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Lima pelancong warga Thailand dan seorang pemandu lori kontena cedera parah dalam kemalangan membabitkan sembilan kenderaan di Lebuhraya Elite, di sini, malam kelmarin.

Kejadian jam 11.45 malam di Kilometer 13.8 Arah Utara berhampiran susur keluar Putra Heights itu bermula apabila sebuah lori kontena merempuh bahagian belakang bas ekspres yang berhenti di laluan kecemasan.

Difahamkan, bas ekspres terbabit berhenti serta merta selepas diarahkan peronda Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang memintas kenderaan itu.

Bas membawa 30 penumpang itu dikatakan dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Hatyai ditahan selepas dikesan memandu melebihi had laju.

Pegawai Turus Trafik Selangor, Deputi Superintendan Azmi Mansur berkata, ketika rempuhan itu, kereta Proton Inspira dipandu anggota SPAD dan bas berkenaan sudah berhenti di lorong kecemasan malah, em-



REMUK...bas ekspres remuk di belakang setelah dirempuh lori kontena.

pat anggota penguat kuasa bertugas juga sudah keluar dari kereta untuk membuat pemeriksaan.

Bagaimanapun, katanya, beberapa saat kemudian, sebuah lori kontena yang dipandu laju dari arah belakang merempuh bas berkenaan se-

belum lori itu tercampak ke dalam gaung.

"Akibat rempuhan lori itu, bas terbabit melanggar belakang kereta anggota SPAD, namun mereka sempat menyelamatkan diri.

"Kemungkinan pemandu lori berkenaan mengantuk

dan tidak menyedari bas ekspres itu sedang berhenti menyebabkan dia tidak sempat mengelak sebelum terbabas di sebelah kiri jalan dan terhumban ke dalam gaung kira-kira 50 meter," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, siasatan lanjut ma-



DIREMPUH...kereta milik SPAD turut dirempuh bas ekspres.

sih diteruskan mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi mengelak sebelum terbabas dalam kemalangan itu.

Katanya, semua mangsa yang cedera parah termasuk pemandu lori kontena yang kritikal dihantar ke Hospital Putrajaya untuk menerima rawatan.

Difahamkan, tujuh kenderaan lain iaitu lima kereta termasuk kereta milik SPAD, satu van dan sebuah lori tiga tan terbabit dalam kemalangan itu selepas tidak sempat

mengelak bas ekspres serta lori kontena berkenaan.

Sementara itu, SPAD menerusi satu kenyataan yang dihantar kepada Harian Metro semalam, menafikan kemalangan berpunca daripada tindakan anggotanya memintas dan memberhentikan bas ekspres terbabit secara mengejut.

"Ketika kejadian, dua anggota SPAD sudah berada di dalam bas terbabit manakala dua lagi anggota berada di luar bas," kata kenyataan itu.